

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH  
[ SETIU ]**

**TARIKH : 8.3.2017**

**SOALAN :**

**Tuan Che Mohamad Zulkifly Bin Jusoh [ Setiu ] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan usaha dalam memperkenalkan silibus bagi mendedahkan pelajar dalam bidang keusahawanan secara intensif di sekolah - sekolah bersesuaian dengan langkah Kerajaan dalam melahirkan lebih ramai usahawan muda pada masa akan datang.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memasukkan elemen keusahawanan dalam Kurikulum Kebangsaan sejak awal tahun 1990an mengambil kira bidang/tajuk dalam perniagaan dan keusahawanan. Pada masa ini, keusahawanan tidak ditawarkan sebagai satu mata pelajaran khusus kecuali di Sekolah Menengah Teknik yang menawarkan mata pelajaran Pengajian Keusahawanan sebagai mata pelajaran elektif.

Dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang baharu sahaja dilaksanakan pada tahun 2017 bukan sahaja mengandungi elemen keusahawanan tetapi juga elemen-elemen kreativiti dan inovasi, teknologi maklumat dan komunikasi merentas semua mata pelajaran.

Dalam bidang kokurikulum, penubuhan Koperasi Sekolah serta aktiviti kelab dan persatuan yang turut mendapat kerjasama pelbagai agensi luar adalah salah satu langkah Kementerian untuk mendedahkan murid kepada elemen keusahawanan secara '*'hands on'*' berkaitan pengoperasian sesuatu syarikat dan koperasi.

RJM18